



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Phg. P.U. 11/2000
UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) KERAJAAN TEMPATAN
(MAJLIS DAERAH PEKAN) 2000**

Tarikh penyiaran:
Tarikh mula berkuatkuasa:

3 Februari 2000
1 Januari 1990

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

Undang-Undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
Undang-Undang Kecil 2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun.
Undang-Undang Kecil 3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.
Undang-Undang Kecil 4. Borang bagi tawaran mengkompaun.

JADUAL

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan (Majlis Daerah Pekan) 2000** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Daerah Pekan.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1990.

2. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun.

(1) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 69, 70, 74, 75, 76, 78, 82(5), 91, 107, 109, 140(2)(a), 160 dan 161 Akta ini boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana Pegawai Undang-undang Majlis Daerah Pekan.

(2) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Kecil boleh dikompaun oleh mana-mana orang disebut dalam perenggan (1) atau oleh mana-mana Pembantu Undang-undang atau Pegawai Pendakwa Majlis Daerah Pekan.

3. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran.

(1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun suatu kesalahan tidak boleh lebih daripada lima ratus ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta itu, atau tidak boleh lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-undang Kecil.

(2) Pembayaran wang itu mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(3) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada orang yang membuat tawaran mengkompaun, tetapi jika bayaran dihantar melalui pos, ianya mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima mestilah dikira sebagai wang kepunyaan Majlis Daerah Pekan dan suatu resit rasmi mestilah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

4. Borang bagi tawaran mengkompaun.

Borang dalam Jadual ini mestilah digunakan bagi membuat suatu tawaran mengkompaun tetapi boleh diubahsuai sebagaimana yang perlu.

JADUAL
(Undang-undang Kecil 4)
TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada;

.....
.....
.....

Adalah dengan ini diberitahu bahawa Tuan/Puan telah melakukan kesalahan di bawah:

Seksyen

.....

Undang-Undang Kecil
Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

:.....
:.....
:.....
:.....

Di.....
Jam.....pada.....haribulan.....

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Tun/Puan boleh menyelesaikan kesalahan ini tanpa perbicaraan di Mahkamah dengan membayar kompaun di Pejabat Majlis Daerah Pekan di antara jam 8.30 pagi hingga 12.15 tengahari dan 2.45 petang hingga 3.30 petang pada tiap-tiap hari bekerja kecuali hari Sabtu 8.30 pagi hingga 10.00 pagi.

Tawaran ini berkuatkuasa selama.....hari
dari tarikh ianya dikeluarkan.

Dibuat 12 September 1990.

ABDUL MALEK B. HAJI ABDUL MAJID,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan

Disahkan 19 Januari 1995.
[SUK. Phg. (KT) 5656 SJ. 1]

MOHD NOOR B. ABDUL RANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pahang